



JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

PEMAKLUMAN

PERMOHONAN MAKLUM BALAS BERHUBUNG KERTAS KONSULTASI AWAM BAGI CADANGAN PINDAAN PERATURAN- PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2013 [P.U.A. 335/2013] DI BAWAH AKTA 709

Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) mengalu-alukan pandangan serta maklum balas daripada semua pihak berkepentingan dan orang awam berhubung **Kertas Konsultasi Awam Cadangan Pindaan Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013 [P.U.A. 335/2013]**.

Cadangan pindaan ini adalah selaras dengan penggubalan **Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024**, yang telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan, antaranya:

- a) menggantikan terma “pengguna data” kepada “pengawal data”;
- b) menghendaki pengawal data dan pemproses data melantik pegawai perlindungan data untuk memastikan pematuhan terhadap Akta 709;

- c) mewajibkan pengawal data untuk memberitahu mengenai insiden pelanggaran data kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi;
- d) membolehkan subjek data memohon supaya data peribadinya dipindahkan daripada satu pengawal data kepada pengawal data yang lain;
- e) memansuhkan keperluan pewartaan tempat yang dibenarkan untuk pemindahan mana-mana data peribadi ke luar Malaysia;
- f) meletakkan obligasi dan tanggungjawab kepada pemproses data untuk mematuhi Prinsip Keselamatan di bawah Prinsip Perlindungan Data Peribadi; dan
- g) menaikkan kadar hukuman bagi pelanggaran Prinsip Perlindungan Data Peribadi.

Kertas Konsultasi Awam ini boleh dimuat turun melalui pautan berikut : <https://forms.gle/SmcGN1bqp2CDZHEi7> atau dengan mengimbas kod QR di bawah:



Semua maklum balas perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **8 September 2025 (Isnin)**. Sebarang pertanyaan lanjut atau penghantaran dokumen tambahan berhubung maklum balas boleh dibuat melalui e-mel di alamat: risiko@pdp.gov.my

JPDP mengalu-alukan penyertaan aktif semua pihak bagi memastikan kerangka perundangan perlindungan data peribadi negara sentiasa relevan dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

SHARIFFAH RASHIDAH BINTI SYED OTHMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH
JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

21 Ogos 2025